

## Kerepek lesap dilarikan pencuri

Pengusaha kerugian RM7,000 apabila premisnya dipecah masuk penjenayah

**BANTING** - Sebuah kedai kerepek di Kanchong Darat di sini, mengalami kerugian kira-kira RM7,000 apabila pelbagai barang termasuk 60 bungkus kerepek lesap dilarikan penjenayah yang memecah masuk premis berkenaan, kelmarin.

Kejadian diperincayal berlaku kira-kira jam 6.45 pagi itu disebut pemilik yang datang ke premis berkenaan dan melihat kerepek bertaburan di atas lantai.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azizan Tukiman berkata, terdapat kesan umpiil pada pintu hadapan selain premis berserak akibat kejadian disedari pemilik.

"Pemeriksaan lanjut mendapati dua mesin juruwang, sebuah tabung arak yatin dan 60 bungkus kerepek hilang dan pemilik di-



Sebuah premis menjual pelbagai peralatan restoran dan bahan membuat kek di Banting dipecah masuk awal pagi semalam.

anggarkan mengalami kerugian RM7,000.

"Siasatan di lokasi kita menemui satu kesan cap jari pada balang kuah yang

terdapat di kaunter dan kita sudah menghantar kesan cap jari itu ke unit forensik," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



Kedua-dua berelerak di bahagian dalam kedai kerepek di Kanchong Darat, Banting.

Menurutnya, siasatan masih diteruskan dan pihaknya percaya kejadian itu membabitkan lebih seorang suspek.

Dalam pada itu, Azizan berkata, sebuah premis menjual pelbagai peralatan restoran dan bahan membuat kek di sini turut

dipecah masuk semalam hingga menyebabkan pemiliknya kerugian kira-kira RM3,500.

"Kejadian kira-kira jam 8.30 pagi itu disebut salah seorang kakitangan yang baru datang bekerja dan melihat barang-barang di dalam kedai berselerak selain laci wang dan loker pekerja diselongkar."

"Berdasarkan siasatan awal suspek diperincayal memecah masuk ke dalam premis melalui bahagian tepi kedai. Namun siasatan lanjut masih dijalankan berdasarkan rakaman CCTV di premis tersebut," katanya.

Menurutnya, kedua-dua kes yang berlaku pada dua hari berturut-turut itu kini disiasat di bawah Seksyen 457 Kanun Keseksian kerana melakukan pecah masuk premis.

### Lebuhraya Mex 2 bantu atasi laluan sesak



Sebahagian penduduk di Dun Dengkil gembira menerima kunjungan Shahrum yang menyampaikan sumbangan pada program Ziarah Kasih.

**SELANGOR** - Penduduk di Dun Dengkil bakal menikmati kemudahan Lebuhraya Mex 2 yang menghubungkan Putrajaya ke KLIA selepas la dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif berkata, pada 2019 juga pengguna akan dapat memanfaatkan persimpangan bertingkat di simpang empat Dengkil yang kini dalam peringkat akhir pemilihan kontraktor.

"Lebuhraya Mex 2 akan dibina sepanjang 16 kilometer (km) sementara flyover simpang empat Dengkil kini mempunyai tempoh dua bulan untuk melanjutkan kontraktor yang layak."

"Saya yakin kedua-dua projek ini akan dimulakan pada tahun ini dan ia akan menjadi kemudahan kesejahteraan rakyat yang sudah diperjuangkan lebih dua ke tiga ta-

hun," katanya ketika ditemui dalam program Ziarah Kasih, di sini.

Menurutnya, pembinaan tersebut juga dijangka membantu melancarkan aliran trafik dan mengurangkan kesesakan seperti yang sering dihadapi penduduk.

Sementara itu, seorang pengguna, Mohd Rafiq Ahmad, 34, berkata, dua laluan sesak itu sering digunakan dan mengharapkan ia segera dinata taraf.

"Sekiranya kemudahan ini dapat disegerakan pasti memberi kegemiraan kepada ribuan pengguna jalan di kawasan itu kerana tak perlu berdepan dengan kesesakan lalu lintas lagi," katanya.

Dalam program itu, seramai 1,600 asnaf termasuk orang miskin, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas menerima bantuan.

• Rumah Terbuka  
Jamuan Eidulfitri  
Adun Tanjung Sepat,  
Ir Mohd Haslin Hassan  
Tarikh: 8 Julai  
Masa: 10 pagi hingga 4 petang  
Tempat: Pekarangan Pusat  
Khidmat Adun Dengkil  
\* Semua dijemput hadir

• Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri  
Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif  
Tarikh: 9 Julai  
Masa: 10 pagi hingga 4 petang  
Tempat: Pekarangan Pusat  
Khidmat Adun Dengkil  
\* Semua dijemput hadir

### Bapa mohon cari Aishah Natasha

**KUALA LANGAT** - Seorang bapa memohon bantuan orang ramai mencari anak perempuannya berusia 15 tahun yang diperincayal hilang selepas keuar dari rumah mereka di Taman Jugra Jaya, Banting, semalam.

Anak kepada pemandu lori, Nasaruddin Abdullah, 57, diperincayal keluar dari rumah kira-kira jam 1 pagi tanpa memberitahu ahli keluarga yang iaitu termasuk ibunya.

Nasaruddin berkata, dia baru sahaja pulang ke rumah dan mendapati pintu rumahnya terbuka sebelum menyedari anaknya, Aishah Natasha tiada di dalam biliknya.

"Ada jiran bagi tahu anak saya naik Limo Innova berwarna biru atau Perodua Myvi berwarna putih sebab dia kenderaan itu saja didapati keluar dari taman ini."

"Sehingga sekarang pelbagai usaha dah karni dilakukan untuk kesan anak saya termasuk carinya di sekitar Banting selain bertanya rakan-rakan sekolah dan hebahan kehilangannya dalam media sosial," katanya.

Menurutnya, laporan kemudian dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat, di sini, selepas remaja berkenaan yang hanya membawa dompet dan telefon bimbit gagal dihubungi ahli keluarga.

Tak ada pula berkelakuan pelik sejak ke-



Aishah Natasha diperincayal hilang selepas keluar dari rumah di Taman Jugra Jaya, kira-kira jam 1 pagi semalam.

belakangan ini tapi Aishah yang juga anak keempat daripada tujuh beradik ni tak pernah keluar seorang diri. Kalaunak pergi mana-mana saya akan hantar.

"Saya percaya anak mungkin ikut seorang tapis tak tahu ke mana," katanya.

Orang ramai yang temampak Aishah diharap dapat menghubunginya di talian 019-2580310 atau 011-25819668.